Headline	Bursa tempatan meningkat semula		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Oct 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	41
ArticleSize	395 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 39,390		

Bursa tempatan meningkat semula

Dagangan aktif bermula pada tengah hari selepas suram sejak pagi semalam

Ulasan Pasaran

Bursa tempatan meningkat semula daripada penurunan sebelum ini untuk ditutup tinggi, didorong oleh minat belian daripada pembeli institusi.

Pada penutup, FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) naik 10.92 mata kepada 1,530.35 berikutan dagangan yang aktif yang bermula pada tengah hari selepas suram sejak pagi semalam.

Sepanjang hari, indeks petunjuk pasaran berada antara 1,521.74 dan 1,532.53.

Dalam pasaran secara menyeluruh, kaunter untung mengatasi kaunter rugi 718 berbanding 307 manakala 412 kaunter tidak berubah, 710 tidak diniagakan dan 40 yang lain digantung.

Jumlah dagangan naik kepada 6.60 bilion unit bernilai RM2.89 bilion daripada 6.28 bilion unit bernilai RM3.23 bilion, kelmarin.

Seorang penganalisis berkata, penggiat institusi menjadi peserta utama dengan belian saham diletakkan dalam kedudukan terlebih jual.

"Pelabur runcit sebahagian besarnya tidak berada dalam pergerakan pasaran selama seminggu, kecuali dalam saham permodalan kecil.

"Sementara itu, pelabur institusi menyusun semula pegangannya kepada saham dengan potensi aliran meningkat," katanya.

Dari segi teknikal, katanya sokongan pendasar kekal kukuh pada 1,480 manakala paras halangan segera berada pada 1,540, yang masih jauh untuk bursa tempatan mencecah petunjuk pasaran 1,600 berikutan ketidakstabilan politik yang berterusan, Belanjawan 2021 yang akan datang dan pilihan raya presiden Amerika Syarikat (AS).

Ketika pasaran ditutup, saham permodalan kecil dan sederhana muncul sebagai kaunter paling untung semalam, masing-masing naik 1.24 peratus dan 1.23 peratus.

Dalam kalangan saham wajaran tinggi, Hartalega menambah 40 sen kepada RM17.40, Maybank meningkat 10 sen kepada RM7.40, Tenaga Nasional naik 14 sen kepada RM10.40, MISC menokok 17 sen kepada RM7.10 dan Sime Darby Plantation naik 11 sen kepada RM5.16.

Antara kaunter cergas ialah saham berkaitan politik, iaitu Advance Synergy yang menambah 4.5 sen kepada 26.5 sen dan Pan Malaysia yang meningkat empat sen kepada 18.5 sen, manakala Malayan United tidak berubah pada 14 sen.

Di papan indeks, Indeks FBM Emas naik 62.75 mata kepada 11,020.92 dan Indeks FBM Emas Shariah meningkat 67.02 mata kepada 13,130.73.

FBM 70 naik 1.45 mata kepada 14,364.64, Indeks FBMT 100 meningkat 58.01 mata kepada 10,840.81 dan FBM ACE melonjak 71.47 mata kepada 10,557.15.

Mengikut sektor, Indeks Perkhidmatan Kewangan naik 84.22 mata kepada 12,664.38, Indeks Perladangan menambah 43.90 mata kepada 7,075.22 serta Indeks Produk Perindustrian dan Perkhidmatan meningkat 0.63 mata kepada 141.97.

Jumlah dagangan waran merosot kepada 435.28 juta unit bernilai RM91.55 juta daripada 589.31 juta unit bernilai RM107.06 juta kelmarin.

Jumlah dagangan di Pasaran ACE merosot kepada 1.28 bilion saham bernilai RM373.40 juta daripada 1.72 bilion saham bernilai RM604.08 juta pada Khamis.

Barangan pengguna dan perkhidmatan menyumbang 2.43 bilion saham diniagakan di Pasaran Utama, produk perindustrian dan perkhidmatan (697 juta), pembinaan (157.72 juta), teknologi (367.82 juta), SPAC (sifar), perkhidmatan kewangan (25.97 juta), hartanah (442.57 juta), perladangan (34.08 juta), REIT (3.75 juta), dana tertutup (13,100), tenaga (403.27 juta), penjagaan kesihatan (57.58 juta), telekomunikasi dan media (54.03 juta), pengangkutan dan logistik (58.92 juta) dan utiliti (148.87 juta).

BERNAMA

Powered by: iSENTIA